
Pemantapan Pentaksiran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah

Hashim Othman
Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia

ABSTRACT

School based-assessment of writing skills at primary and secondary levels usually adopts a holistic or impressionist approach. The valid assessment of the compositions is the examination of sample compositions as a whole. Albeit this trend is in accordance with international practice, the scoring scheme in use does not take into account communicative criteria to which Malay language teaching refers since it does not examine language cohesion and coherence. Writing competence assessment should be relevant to language teaching which puts emphasis on language system and use. Hence, learners can construct and use appropriate language structures in social context for educational, vocational, and daily purposes. This article presents research findings related to the construction of instruments to assess Malay compositions at secondary school by applying communicative and discourse models. In addition to the emphasis on test item construction, the article deals with an idea of the improvement of composition scoring scheme which can be adopted in school based assessment.

Keywords: school-based assessment, holistic, scoring scheme, composition

Penelitian terhadap dokumen yang berkaitan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001 & 2003), menunjukkan matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu tidak lain dari kefasihan berbahasa atau kecekapan berkomunikasi (Hashim, 2005). Kefasihan berbahasa memerlukan penguasaan kecekapan bahasa dari seorang pelajar, iaitu mengetahui peraturan dan struktur bahasa. Sementara itu, kecekapan komunikasi pelajar didapatkan dari kemampuan menggunakan struktur bahasa yang difahami dengan tepat mengikuti konteks penggunaannya.

Pada peringkat sekolah rendah disediakan pendidikan untuk menguasai kemahiran asas agar diperoleh kefasihan berbahasa yang bertujuan untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial, dan urusan harian. Pada peringkat sekolah menengah, kefasihan berbahasa bertujuan untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian. Tegasnya, program bahasa Melayu dalam sistem persekolahan di Malaysia bertujuan untuk memberi pelajar dengan kecekapan menggunakan bahasa

Melayu dalam kemahiran lisan, membaca, dan menulis untuk menimba ilmu, menghasilkan tenaga, serta menyelesaikan urusan harian yang bersifat rasmi atau tak rasmi.

Pentaksiran kemahiran menulis dalam pentaksiran berasaskan sekolah dan berpusat biasanya menggunakan pendekatan impresionistik atau holistik yang berasaskan tanggapan pentaksiran sah bagi karangan, iaitu melalui pemeriksaan sampel karangan sebagai suatu keseluruhan. Pendekatan ini selaras dengan idea komunikatif (Hymes, 1972) yang menyatakan bahwa karangan ialah perlakuan bahasa yang menjadi indikator kefasihan berbahasa seseorang yang harus ditaksir secara langsung dengan menggunakan kriteria kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana, dan kecekapan tatabahasa. Walau bagaimanapun, skema penskoran yang biasa digunakan di sekolah umumnya tidak memperlihatkan kriteria komunikatif yang jelas serta kurang bertumpu pada aspek-aspek penting kebahasaan, khususnya kohesi dan koherensi (lihat Khatijah, 1996). Dengan demikian, pembinaan alat

pentaksiran alternatif bagi kemahiran menulis adalah perlu kerana kurikulum Bahasa Melayu di sekolah jelas menunjukkan unsur-unsur komunikatif di dalamnya (lihat Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003; Hashim, 2005).

Kajian Hashim yang menggunakan model Bachman dan Savignon (1986) menunjukkan terdapat unsur-unsur komunikatif dalam tiga jenis karangan yang berasaskan tujuan dan orientasi, iaitu jenis penerangan, pemujukan, dan pelahiran (Lihat Llyod-Jones, 1977). Analisis faktor bagi item-item kecekapan menunjukkan kemahiran menulis merupakan kecekapan komunikatif dalam tiga komponen utama, iaitu kecekapan tatabahasa, wacana, dan sosiolinguistik. Setiap komponen mempunyai subkomponen-subkomponen sendiri dengan tatabahasa merupakan varian utama dalam ketiga-tiga jenis karangan.

Karangan jenis penerangan mempunyai varian tatabahasa, sosiolinguistik, dan wacana yang merupakan 73.3 peratus dari varian keseluruhan. Ketiga-tiga varian tersebut menyumbang 70.7 peratus dari varian keseluruhan bagi karangan jenis pemujukan, dan 67 peratus bagi karangan jenis pelahiran. Dalam ketiga-tiga karangan ini, tatabahasa menjadi penyumbang varian terbesar, iaitu 51.9 peratus bagi karangan penerangan, 47.0 peratus bagi karangan pemujukan, dan 41.2 peratus bagi karangan pelahiran. Ini diikuti komponen wacana dan sosiolinguistik.

Hasil kajian yang membuktikan kewujudan gagasan komunikatif dalam karangan bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah (lihat Hashim et al., 2005 & 2006; Shaik Malik et al., 2006), seterusnya dapat digunakan dalam pembinaan alat bagi memantapkan pentaksiran kemahiran menulis. Pembinaan alat pentaksiran ini tidak sahaja harus selari dengan amalan pada peringkat antarabangsa, tetapi juga hendaklah tepat dan efisien ke arah penggunaan yang berkesan dalam pentaksiran berasaskan sekolah dan berpusat.

Domain Kemahiran Menulis

Jika semua jenis karangan yang diajarkan di sekolah dirumus berdasarkan orientasi dan tujuan wacana mengikut model Llyod-Jones maka terdapat tiga jenis karangan, iaitu jenis penerangan, pemujukan, dan pelahiran (lihat Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Mengikut Vahapassi (1988) pula, jika penjenisan karangan

dibuat berdasarkan retorik tradisional, terdapat tiga jenis wacana yang utama, iaitu wacana yang bercorak dokumentatif, laporan, dan penerokaan. Berdasarkan penjenisan karangan Vahapassi, karangan jenis penerangan, keperihalan, dan pelahiran tergolong dalam wacana bersifat laporan. Sementara karangan jenis pemujukan tergolong dalam wacana bersifat penerokaan yang mengandungi wacana jenis tafsiran, misalnya jenis pendedahan, hujahan, dan pemujukan, di samping wacana sastera.

Penggolongan Vahapassi dibuat berdasarkan ciri-ciri laporan dalam karangan jenis penerangan, keperihalan, dan pelahiran yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat, dan melahirkan perasaan, sementara wacana pemujukan yang tergolong dalam wacana penerokaan bertujuan untuk mempengaruhi atau memujuk khalayak. Dengan penggolongan ini, karangan jenis penerangan dan keperihalan dianggap mempunyai kaitan yang sangat rapat, iaitu berasaskan orientasi dan mempunyai tujuan yang sama. Menurut Vahapassi, perbezaan antara keduanya berdasarkan teknik persembahan, iaitu karangan penerangan yang menekankan pada logik melalui berbagai-bagai teknik, seperti perbandingan, pengkelasan atau sebab akibat, sedangkan karangan keperihalan mematuhi suatu struktur yang lurus persembahannya.

Penjenisan karangan di sekolah adalah selari dengan penggolongan karangan oleh Llyod-Jones dan Vahapassi. Karangan jenis penerangan dan fakta yang bersifat laporan adalah berorientasikan maklumat dan bertujuan untuk memberikan maklumat. Dalam golongan yang bersifat laporan ini juga terdapat karangan jenis cereka dan imaginasi yang berasaskan maklumat peribadi penulis dan bertujuan untuk melahirkan perasaan. Seterusnya, karangan perbincangan dan perbahasan adalah tergolong dalam golongan wacana bercorak penerokaan, iaitu jenis tafsiran yang berorientasikan khalayak dan bertujuan untuk mempengaruhi atau meyakinkan khalayak.

Gorman et al. (1988) mendefinisikan karangan jenis penerangan sebagai karangan yang memerlukan subjek menyusun dan menyusun semula idea bagi tujuan membuat penerangan, dan menyusun dan menyusun semula idea untuk belajar. Karangan jenis pemujukan merupakan karangan yang memerlukan subjek mencipta atau menjana idea bagi tujuan mempengaruhi khalayak.

Bagi karangan jenis kelahiran, subjek perlu menyusun atau menyusun semula idea, mencipta, atau menjana idea bagi tujuan melahirkan perasaan dan emosi.

Dalam kajian ini, pemilihan jenis karangan adalah berdasarkan orientasi dan tujuan penulisan karangan yang mempengaruhi susun atur dan retorik karangan. Karangan penerangan berorientasikan maklumat dan bertujuan untuk memberikan maklumat; karangan pemujukan adalah berorientasikan khalayak dan bertujuan untuk mempengaruhi dan meyakinkan khalayak; dan karangan kelahiran adalah berorientasikan penulis yang bertujuan melahirkan perasaan dan emosi. Karangan yang tergolong dalam cereka yang berbentuk hasil kesusasteraan yang dinikmati dan dihargai selain bertujuan untuk penyampaian maklumat, pemujukan, dan kelahiran perasaan tidak termasuk dalam jenis karangan yang dikaji (lihat Field dan Weiss, 1984).

Untuk memenuhi tujuan kajian ini, tiga komponen kecekapan komunikatif yang berdasarkan model Bachman dan Savignon (1986), iaitu sociolinguistik, wacana, dan tatabahasa dianggap sebagai domain utama bagi karangan-karangan jenis penerangan, pemujukan, dan kelahiran. Domain sociolinguistik menunjukkan pengetahuan laras bahasa dan gaya berdasarkan konteks, tujuan, dan khalayak; domain wacana menggambarkan pengetahuan tentang kohesi ayat dan koheren makna berdasarkan struktur dan organisasi teks; dan domain tatabahasa membayangkan pengetahuan tatabahasa melalui ketepatan penggunaan struktur bahasa dan mekanis. Perlakuan karangan diandaikan dari interaksi antara domain utama penulisan.

Pembinaan Tugas

Pembinaan tugas dalam kajian ini berdasarkan prinsip keautentikan ujian, yakni pentaksiran perlakuan secara langsung yang mengambil pandangan Widdowson (1978) yang mensyaratkan kewujudan interaksi antara pengguna bahasa dan wacana. Idea Widdowson menyamai saranan Oller (1979), iaitu sesebuah ujian bahasa perlu mempunyai syarat subjek memahami kesalinghubungan pragmatik antara konteks linguistik dan unsur-unsur yang mempengaruhi konteks berkenaan.

Pembinaan tugas karangan dalam kajian ini turut menimbang cadangan Jacob et al.

(1981) tentang cara mengurangkan pengaruh pengetahuan atau pengalaman sedia ada calon dalam tugas. Antaranya ialah pemilihan topik perlu menepati tahap pendidikan dan minat calon; kemungkinan dapat merangsang calon berkomunikasi dengan pembaca; dan tidak berat sebelah atau menguntungkan calon-calon tertentu. Tegasnya, subjek dalam tugas harus berkisar dalam lingkungan pengetahuan dan kebolehan calon, tetapi tidak terlalu mudah (lihat Hashim et al., 2004).

Secara khusus, tugas mempunyai dua bahagian, iaitu situasi dan arah penulisan. Bahagian situasi penulisan bertujuan mengorientasikan calon kepada subjek yang akan dituliskan. Bahagian arah penulisan meletakkan syarat penulisan yang perlu dihasilkan oleh calon.

Tugas karangan penerangan memerlukan subjek menyusun atau menyusun semula idea untuk membuat penerangan. Selain memberi penerangan, tugas ini juga memerlukan subjek mengemukakan hujah-hujah yang jelas untuk meyakinkan khalayak terhadap idea-idea yang dikemukakannya, di samping melahirkan perasaan dan pengalaman peribadi tentang tajuk. Situasi karangan menyediakan maklumat tentang khalayak yang subjek kenali. Dalam karangan yang dihasilkan, subjek perlu menunjukkan pengetahuan tentang konteks sosial dengan memahami tujuan, khalayak, dan situasi tugas; menyusun atur ayat dan idea untuk membina aspek kohesi dan koheren dalam teks; dan menunjukkan penguasaan peraturan tatabahasa yang meliputi morfologi dan sintaksis, dan aspek mekanis, iaitu ejaan dan tanda baca (lihat Lampiran 1).

Tugas karangan pemujukan meminta subjek mencipta atau menjana idea untuk meyakinkan, memujuk, atau membuat penerangan kepada khalayak. Selain bertujuan memujuk khalayak, tugas ini juga memerlukan subjek membuat penerangan dengan jelas dan teratur, dan melahirkan perasaan dan pengalaman peribadi yang sesuai dengan tajuk (lihat Vahapassi, 1988; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Situasi karangan menyediakan maklumat tentang khalayak yang subjek kenali. Dalam karangan yang dihasilkan, subjek perlu menunjukkan pengetahuan tentang konteks sosial dengan memahami tujuan, khalayak, dan situasi tugas; menyusun atur ayat dan idea bagi membina kohesi dan koheren dalam teks; dan menunjukkan penguasaan peraturan tatabahasa yang meliputi morfologi dan sintaksis,

dan aspek mekanis, iaitu ejaan dan tanda baca (lihat Lampiran 2).

Tugasan karangan pelahiran memerlukan subjek melahirkan idea, perasaan, dan pengalaman peribadi dalam sesuatu konteks. Selain itu, tugasan ini juga memerlukan subjek membuat penerangan dengan jelas dan teratur, dan menggunakan idea bagi meyakinkan khalayak. Situasi karangan menyediakan maklumat tentang khalayak yang subjek kenali. Dalam karangan yang dihasilkan, subjek perlu menunjukkan pengetahuan tentang konteks sosial dengan memahami tujuan, khalayak, dan situasi tugasan; menyusun atur ayat dan idea bagi membina kohesi dan koheren dalam teks; dan menunjukkan penguasaan peraturan tatabahasa yang meliputi morfologi dan sintaksis, dan aspek mekanis, iaitu ejaan dan tanda baca (lihat Lampiran 3).

Pembinaan Skema Penskoran Komunikatif

Skema Penskoran Komunikatif merupakan sejenis skema penskoran holistik berfokus bagi menggred perlakuan karangan mengikut kategori pencapaian. Pembinaannya adalah berasaskan pendekatan holistik yang mengandaikan karangan sebagai suatu keseluruhan (Llyod-Jones, 1977). Skema pemarkahan ini berfokus pada kriteria pentaksiran yang ditetapkan lebih awal, iaitu berdasarkan komponen-komponen komunikatif yang ditemukan dalam kajian Hashim (2000a; 2000b & 2001), iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa.

Pembinaan alat adalah berpandukan cadangan yang dikemukakan oleh Bachman dan Savignon (1986), dan Weir (1990). Mengikuti pendapat Bachman dan Savignon, pembinaan alat ujian kefasihan berbahasa harus mempunyai beberapa ciri utama. Di antaranya pertama, definisi kecekapan berbahasa komunikatif harus meliputi sekurang-kurangnya kecekapan tatabahasa, kecekapan wacana, dan kecekapan sosiolinguistik. Kedua, skala pemarkahan yang dihasilkan sepatutnya berdasarkan definisi tersebut dan bagi pentaksiran yang bersifat holistik, penelitian terhadap hubungan antara komponen-komponen kecekapan komunikatif turut diperlukan. Ketiga, definisi skala pemarkahan perlu berdasarkan komponen-komponen kecekapan komunikatif tanpa merujuk secara khusus pada isi kandungan dan konteks. Keempat, skala yang dibina harus juga didefinisikan dalam bentuk pernyataan tentang takat

kehadiran atau ketidakhadiran sesuatu komponen, bukan sekadar norma perlakuan sebenar.

Prinsip-prinsip Skema Penskoran Komunikatif

Penggredan perlakuan karangan dibuat berasaskan andaian holistik (Cooper, 1977, dan Homburg, 1984), iaitu pentaksiran yang sah bagi wacana yang bergantung pada pemeriksaan sampel karangan sebagai suatu keseluruhan. Pembahagian markah khusus tidak diberikan kepada mana-mana komponen kecekapan. Gred yang diberikan menunjukkan perlakuan karangan yang menggambarkan kecekapan komunikatif penulis.

Perlakuan karangan ialah aktivitas komunikatif yang menjadi indikator keupayaan seseorang menggunakan kecekapan tatabahasa, kecekapan wacana, dan kecekapan sosiolinguistik dalam konteks (Duran, 1988, Hutchinson, 1990, dan Weir, 1990). Kecekapan tatabahasa menekankan ketepatan menggunakan struktur bahasa melalui penguasaan peraturan tatabahasa dan aspek mekanis; kecekapan wacana ialah kemahiran menyusun ayat dan makna bagi menghasilkan kohesi dan koheren dalam teks mengikut jenis karangan; dan kecekapan sosiolinguistik merupakan kemahiran memilih laras bahasa dan gaya mengikut konteks, tujuan dan khalayak karangan.

Perlakuan karangan sebenarnya ialah interaksi antara komponen kecekapan komunikatif (Canale dan Swain, 1981, dan Hutchinson, 1990). Kualiti perlakuan yang ditunjukkan ialah keupayaan penulis menyepadukan komponen-komponen kecekapan komunikatif, iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa bagi menghasilkan teks yang berkesan mengikut konteks.

Perlakuan karangan juga membabitkan kecekapan proses, iaitu menemukan apa yang hendak ditulis, dan memilih bentuk yang tepat untuk melahirkan idea (Odell, 1981).. Penemuan merupakan peringkat penulis menganalisis dan meneliti bahan yang sesuai mengikut topik, memilih idea kawalan sebagai fokus teks, dan menimbang idea-idea sokongan. Pemilihan bentuk yang tepat merupakan kecekapan menyusun atur, mengolah dan mempersembahkan idea, maklumat, pemikiran atau perasaan dengan tepat mengikut konteks, tujuan, dan khalayak karangan.

Kriteria yang menjadi panduan penggredan perlakuan didefinisikan dalam bentuk jangkauan kualiti kecekapan yang ditunjukkan oleh penulis

dalam karangan (Caroll, 1980, dan Weir, 1990 & 1993). Skema penggredan perlakuan digunakan bersama skala pemeringkatan pencapaian perlakuan yang menetapkan pencapaian tinggi, sederhana, dan rendah. Gred pencapaian tinggi ialah 5 - 6, gred pencapaian sederhana ialah 3 - 4, dan gred pencapaian rendah ialah 1 - 2.

Isi Kandungan Alat

Berdasarkan keputusan analisis faktor (Crocker dan Algina, 1986) dalam kajian rintis yang dijalankan, terdapat tiga versi alat bagi mentaksir tiga jenis karangan dibina, iaitu versi penerangan, pemujukan, dan pelahiran. Setiap versi mempunyai tiga komponen kecekapan, iaitu sosiolinguistik, wacana, dan tatabahasa dengan setiap komponen mempunyai subkomponen tersendiri. Bagi versi penerangan, terdapat komponen sosiolinguistik yang mempunyai subkomponen tujuan, konteks, dan khalayak; komponen wacana mempunyai subkomponen pemikiran dan persembahan; dan komponen tatabahasa mengandungi subkomponen pengetahuan. Setiap subkomponen mempunyai deskriptor yang menunjukkan kualiti kecekapan yang dijangkakan (lihat Lampiran 4).

Bagiversipemujukan, komponensosiolinguistik mempunyai subkomponen tujuan, situasi, dan khalayak; komponen wacana mempunyai subkomponen persembahan, pengolahan, dan kesatuan; dan komponen tatabahasa mengandungi subkomponen penggunaan. Setiap subkomponen mempunyai deskriptor yang menunjukkan kualiti kecekapan yang dijangkakan (lihat Lampiran 5).

Dalam versi pelahiran terdapat komponen sosiolinguistik yang mempunyai subkomponen tujuan, konteks, dan khalayak. Komponen wacana mempunyai subkomponen pemikiran dan persembahan, sedangkan komponen tatabahasa mengandungi subkomponen pengetahuan. Setiap subkomponen mempunyai deskriptor yang menunjukkan kualiti kecekapan yang dijangkakan (lihat Lampiran 6).

Pengesahan Alat

Pengesahan Skema Penskoran Komunikatif dilakukan mengikut prosedur yang membabitkan pengumpulan sampel karangan, penggredan karangan dan analisis statistik.

Sampel Karangan

Pengumpulan data tentang gred perlakuan karangan dalam kajian ini dilakukan

dengan menggred sampel tiga jenis karangan, iaitu penerangan, pemujukan, dan pelahiran. Prosedur penggredan Varbles (1990) yang digunakan bagi menggred perlakuan sampel karangan diubah suai mengikut sesi penggredan yang membabitkan skema pemarkahan yang berbeza, iaitu Skema Penskoran Komunikatif dan dua skema penskoran lain yang biasa digunakan di sekolah dan di luar negara bagi tujuan kesahan serentak. Sebanyak 110 sampel karangan penerangan, 111 sampel karangan pemujukan, dan 113 sampel karangan pelahiran telah digunakan.

Penggredan Karangan

Penggredan karangan menggunakan khidmat dua orang pemeriksa bagi setiap skema penskoran yang digunakan menggred perlakuan karangan mengikut skala 5-6 (tinggi), 3-4 (sederhana) dan 1-2 (rendah). Bagi Skema Penskoran Komunikatif, penggredan karangan adalah mengikut langkah berikut.

1. Pemeriksa membaca dengan teliti kriteria pentaksiran dalam Skema Komunikatif versi Pelahiran untuk memusatkan tumpuan anda terhadap pentaksiran yang akan dilakukan. Pemeriksa meneliti kecekapan-kecekapan berbahasa dalam komponen-komponen yang berikut:

- (i) Sosiolinguistik
- (ii) Wacana
- (iii) Tatabahasa

2. Pemeriksa membaca karangan pelajar secara sepintas lalu menganggarkan kategori yang sesuai bagi karangan berkenaan, iaitu kategori tinggi, sederhana, dan rendah. Penetapan kategori setiap karangan adalah berdasarkan kriteria yang dinyatakan pada nombor (1) di atas.

3. Pemeriksa membaca semula karangan tersebut dan menentukan gred dan julat markah bagi karangan berpandukan deskriptor yang berikut:

Gred	Julat Markah	Deskriptor
6	70 - 100	Berkomunikasi pada tahap sangat memuaskan
5	60 - 69	Berkomunikasi pada tahap memuaskan
4	50 - 59	Berkomunikasi pada tahap agak memuaskan
3	40 - 49	Menguasai asas bahasa untuk berkomunikasi
2	30 - 39	Menguasai asas bahasa yang terhad
1	0 - 29	Tidak menguasai asas bahasa

Penggredan sampel karangan melalui skema penskoran yang berbeza dilakukan dalam jarak enam bulan bagi mengelakkan pengaruh sesuatu skema penskoran ke atas pemeriksa. Sesi penggredan perlakuan karangan bermula dengan penggunaan Skema Penskoran Komunikatif, diikuti skema penskoran antarabangsa dan skema penskoran yang biasa digunakan di sekolah.

Kebolehpercayaan dan Kesahan Skema Penskoran Komunikatif

Skema Penskoran Komunikatif merupakan alat pentaksiran perlakuan karangan yang dibina untuk menggred perlakuan karangan mengikut kategori pencapaian. Pengesahannya dilakukan dengan menggunakan korelasi kebolehpercayaan antara pemeriksa, dan kesahan serentak dengan dua buah skema penskoran yang terkenal bagi menentukan kesahan kriteria (lihat Crocker dan Algina, 1986; Messicks, 1994).

a) Kebolehpercayaan Antara Pemeriksa

Statistik kajian menunjukkan korelasi skor pemeriksa pertama dan pemeriksa kedua ketiga-tiga jenis karangan, iaitu penerangan, pemujukan, dan pelahiran adalah tinggi. Nilai r bagi karangan jenis penerangan ialah .76 ($p < .001$, $N = 110$); jenis pemujukan ialah .93 ($p < .001$, $N = 111$); dan jenis pelahiran ialah .81 ($p < .001$, $N = 113$). Korelasi yang tinggi antara pemeriksa menunjukkan alat yang digunakan dapat merapatkan persetujuan pemeriksa terhadap sampel karangan yang digredkan.

b) Kesahan Kriteria

Skema penskoran karangan yang biasa digunakan bagi menggred karangan di sekolah menengah di Malaysia adalah Skema Penskoran Tradisional, sementara skema dari luar negara ialah Skema Penskoran Wacana. Skema Penskoran Tradisional berasaskan pendekatan holistik, sementara Skema Penskoran Wacana bersifat analitik. Koefisien korelasi yang tinggi antara pemeriksa yang menggunakan Skema Penskoran Komunikatif dengan pemeriksa yang menggunakan skema tempatan dan skema luar negara dianggap bukti tentang kesahan kriteria, iaitu mentaksir gagasan yang sama.

Didapati korelasi antara Skema Penskoran Komunikatif dengan Skema Penskoran Tradisional dan Skema Penskoran Wacana adalah tinggi. Koefisien korelasi antara Skema Penskoran Komunikatif dan Skema Penskoran Tradisional ialah .64 ($p < .001$, $N = 110$); pemujukan .81

($p < .001$, $N = 111$); dan pelahiran .80 ($p < .001$, $N = 113$). Sementara itu, antara Skema Penskoran Komunikatif dengan Skema Penskoran Wacana, koefisien korelasinya ialah .77 ($p < .001$, $N = 110$); .92 ($p < .001$, $N = 111$) bagi pemujukan; dan .85 ($p < .001$, $N = 113$) bagi pelahiran.

Perbincangan

Skema Penskoran Komunikatif dibina dalam tiga versi, iaitu versi penerangan, pemujukan, dan pelahiran berasaskan gagasan komunikatif mengikut pendekatan holistik berfokus dalam pentaksiran karangan. Pengesahannya membabitkan analisis kebolehpercayaan antara pemeriksa dan kesahan kriteria. Analisis kebolehpercayaan antara dua pemeriksa bagi ketiga-tiga versi menunjukkan alat ini mempunyai koefisien korelasi yang tinggi, iaitu .76 (penerangan), .93 (pemujukan), dan .81 (pelahiran).

Untuk mencari bukti kesahan kriteria, analisis korelasi gred pemeriksa pertama dan kedua dilakukan antara Skema Penskoran Komunikatif dengan Skema Penskoran Tradisional, dan antara Skema Penskoran Komunikatif dengan Skema Penskoran Wacana. Analisis koefisien korelasi antara pemeriksa yang menggunakan ketiga-tiga versi Skema Penskoran Komunikatif dengan pemeriksa yang menggunakan Skema Penskoran Tradisional mendapati terdapat koefisien korelasi yang tinggi, iaitu .64 (penerangan), .81 (pemujukan), dan .80 (pelahiran). Ini menunjukkan ketiga-tiga versi Skema Penskoran Komunikatif mempunyai kesahan kriteria, iaitu mentaksir daerah umum atau gagasan yang sama seperti Skema Penskoran Tradisional yang biasa digunakan di sekolah.

Analisis koefisien korelasi antara pemeriksa yang menggunakan ketiga-tiga versi Skema Penskoran Komunikatif dengan pemeriksa yang menggunakan Skema Penskoran Wacana bagi menggred karangan menunjukkan bahwa terdapat koefisien korelasi yang tinggi, iaitu .77 (penerangan), .92 (pemujukan), dan .85 (pelahiran). Ini menunjukkan ketiga-tiga versi Skema Penskoran Komunikatif mempunyai kesahan kriteria, iaitu mentaksir daerah umum atau gagasan yang sama seperti Skema Penskoran Wacana yang digunakan di luar negara.

Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan antara pemeriksa bagi ketiga-tiga versi Skema Penskoran Komunikatif ialah antara .76 hingga .93. Kebolehpercayaan

antara pemeriksa yang tinggi dan sangat tinggi membayangkan tahap persetujuan pemeriksa tentang kriteria penggredan bagi tiga jenis karangan, iaitu penerangan, pemujukan, dan kelahiran. Dapatan kajian ini menunjukkan skema penskoran yang berfokus kriteria komunikatif dinyatakan dalam bentuk kualiti perlakuan secara keseluruhannya dapat merapatkan persetujuan antara pemeriksa.

Kebolehpercayaan penskoran holistik bagi menggred karangan merupakan alat yang tepat dan efisien kerana ternyata boleh dipercayai, di samping menjimatkan kos dan masa untuk ditadbirkan, terutamanya dalam pentaksiran karangan yang membabitkan bilangan calon yang ramai. Perkembangan ini seharusnya mengukuhkan keyakinan guru dan pentadbir kurikulum terhadap penggunaan skema penskoran holistik, khususnya penskoran holistik berfokus dalam pentaksiran berasaskan sekolah atau berpusat. Penggunaan skema penskoran karangan yang menerapkan idea komunikatif dalam alat berkenaan melalui pendekatan holistik berfokus yang telah dibuktikan mempunyai kebolehpercayaan antara pemeriksa yang tinggi elok disebarluaskan, termasuklah terus dimurnikan bagi memantapkan pentaksiran karangan bahasa Melayu.

Kesahan

Kesahan ketiga-tiga versi Skema Penskoran Komunikatif ditunjukkan melalui bukti kesahan

Skema 1

Jenis Karangan:	Penerangan (berorientasikan maklumat)
Tajuk Tugasan:	Kepentingan Menjaga Kebersihan Kawasan Sekolah
Objektif:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menunjukkan pemahaman tentang tujuan mengarang, khalayak, dan bentuk karangan jenis penerangan 2. Menunjukkan kebolehan mengarang untuk menerangkan idea tentang sesuatu perkara.
Masa:	90 minit
Situasi:	Sekolah anda telah menjadi johan pertandingan kebersihan sekolah pada peringkat negeri selama dua tahun berturut-turut. Selaku Pengerusi Kelab Pengguna Sekolah, anda dijemput untuk menyampaikan ceramah tentang kepentingan menjaga kebersihan kawasan sekolah kepada sekumpulan pelajar yang melawat sekolah anda.
Arahan Tugas:	Tuliskan teks ceramah anda selengkapnya.

kriteria dengan kaedah kesahan serentak dengan dua skema penskoran karangan yang terkenal. Analisis korelasi Skema Penskoran Komunikatif dengan Skema Penskoran Tradisional yang digunakan di Malaysia, dan dengan Skema Penskoran Wacana yang digunakan di luar negara menunjukkan bahwa kesahan bertumpu dengan korelasi yang tinggi secara keseluruhannya.

Bukti korelasi menunjukkan ketiga-tiga versi Skema Penskoran Komunikatif mentaksir gagasan yang sama kerana menghasilkan korelasi yang tinggi melalui kesahan serentak. Secara keseluruhan, korelasi yang tinggi antara Skema Penskoran Komunikatif dengan Skema Penskoran Tradisional dan Skema Penskoran Wacana menggambarkan kesahan kriteria dalam alat. Maksudnya, Skema Penskoran Komunikatif yang berasaskan gagasan komunikatif yang mengandungi kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana, dan kecekapan tatabahasa merupakan alat yang sah untuk menggred sampel karangan bahasa Melayu yang digunakan dalam kajian. Lanjutan dari kajian ini diusulkan tiga versi skema penskoran karangan baru yang mirip skema penskoran karangan yang digunakan pada peringkat antarabangsa pada masa kini, iaitu Skema Penskoran Karangan Penerangan, Skema Penskoran Karangan Pemujukan, dan Skema Penskoran Karangan Pelahiran (lihat Lampiran 7, 8, dan 9).

Skema 2

Jenis Karangan:	Pemujukan (berorientasikan khalayak)
Tajuk Tugasan:	Pelancong Malaysia Patut Memilih Destinasi Pelancongan Dalam Negara
Objektif:	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menunjukkan pemahaman tentang tujuan mengarang, khalayak, dan bentuk karangan jenis pemujukan 2. Menunjukkan kebolehan mengarang untuk meyakinkan khalayak dengan hujah-hujah yang dikemukakan.
Masa:	90 minit
Situasi:	Sempena kempen bagi menggalakkan pelancong tempatan melawat tempat-tempat menarik di Malaysia, Pejabat Kebudayaan dan Pelancongan Negeri telah menganjurkan suatu pertandingan syarahan yang bertajuk "Pelancong Malaysia Patut Memilih Destinasi Pelancongan Dalam Negara." Anda turut serta dalam pertandingan itu.
Arahan Tugas:	Tuliskan teks syarahan anda itu selengkapnya dengan mengemukakan isi dan hujah-hujah yang menyokong tajuk.

Skema 3

Jenis Karangan:	Pelahiran (berorientasikan penulis)
Tajuk Tugas:	Diraikan Sempena Kejayaan Mengharumkan Nama Sekolah
Objektif:	1. Menunjukkan pemahaman tentang tujuan mengarang, khalayak, dan bentuk karangan jenis pemujukan 2. Menunjukkan kebolehan mengarang untuk meyakinkan khalayak dengan hujah-hujah yang dikemukakan.
Masa:	90 minit
Situasi:	Anda ialah ahli pasukan bahas sekolah yang telah berjaya menjadi johan pertandingan bahas pada peringkat negeri sempena Perayaan Hari Kebangsaan 1997. Pihak sekolah yang bangga dengan kejayaan itu telah mengadakan suatu perhimpunan khas yang dihadiri oleh guru dan pelajar bagi meraikan anda dan rakan yang telah mengharumkan nama sekolah.
Arahan Tugas:	Ceritakan pengalaman dan perasaan anda dan rakan ketika diraikan dalam perhimpunan itu.

Skema 4. Skema Penskoran Komunikatif Versi Penerangan

I. SOSIOLINGUISTIK

Penulis memahami tujuan penulisan dan mengetahui khalayaknya (pembaca).

-
- | | |
|--------------|---|
| (a) Tujuan | Menjelaskan maklumat-maklumat khusus tentang tajuk mengikut situasi dalam karangan; dan mengutarakan idea dan pengalaman peribadi untuk meyakinkan pembaca. |
| (b) Khalayak | Mewujudkan hubungan dan berkongsi idea dengan pembaca melalui penguasaan gaya penulisan dan format ceramah. |
-

II. WACANA

Penulis menunjukkan penguasaan aspek-aspek penyusunan, pemikiran dan penekanan wacana penerangan.

-
- | | |
|----------------|---|
| (a) Penyusunan | Membina kohesi nahuan (kata hubung; elipsis) dan leksikal (sinonim, antonym, hiponim, kolokasi, ulangan, dan pembuka dan penutup wacana) secara seimbang; dan menyusun isi secara logik berasaskan hubungan syarat-hasil, sebab-tujuan, dan sebab-akibat. |
| (b) Pemikiran | Menunjukkan pemikiran karangan penerangan yang menekankan fakta dan perinciannya; dan membina kohesi meliputi jenis nahuan dan leksikal. |
| (c) Penekanan | Membina tumpuan terhadap tajuk melalui penyusunan idea secara logik dengan sokongan isu-isu yang berkaitan. |
-

III. TATABAHASA

Penulis menunjukkan pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan bahasa.

-
- | | |
|-----------------|---|
| (a) Pengetahuan | Menunjukkan penguasaan aspek mekanis, khususnya tanda baca dan ejaan; aspek morfologi memperlihatkan penggunaan dan pemilihan kata yang tepat daripada kosa kata yang luas; dan aspek sintaksis menunjukkan penguasaan struktur ayat yang mengukuhkan kohesi. |
|-----------------|---|
-

Skema 5. Skema Penskoran Komunikatif Versi Pemujukan

I. SOSIOLINGUISTIK

Penulis memahami tujuan penulisan dan mengetahui khalayaknya (pembaca).

(a) Tujuan	Memujuk dan cuba meyakinkan pembaca dengan hujah-hujah yang menyokong tajuk.
(b) Situasi	Menggunakan hujah-hujah berdasarkan pengalaman peribadi bagi mengekalkan tumpuan terhadap tajuk.
(c) Khalayak	Berkomunikasi dengan khalayak melalui gaya penulisan yang sesuai; dan menyampaikan idea mengikut format syarahan dengan susunan idea yang rapi dalam perenggan.

II. WACANA

Penulis menunjukkan penguasaan aspek-aspek persembahan, pengolahan dan kesatuan.

(a) Persembahan	Mempersembahkan idea secara teratur dan berfokus melalui kohesi leksikal (sinonim, antonim, hiponim, kolokasi, ulangan, dan pembuka dan penutup wacana); dan membina koheren melalui hubungan sebab-tujuan, syarat-hasil, sebab-akibat, dan latar-kesimpulan.
(b) Pengolahan	Mengolah idea berasaskan logik, hubungan perbandingan, kata pembuka dan penutup wacana, di samping mengemukakan bukti-bukti khusus dan huraian yang jelas.
(c) Kesatuan	Membina kohesi bertumpukan sarana rujukan dan kata hubung.

III. TATABAHASA

Penulis menunjukkan kecekapan menggunakan pengetahuan tatabahasa.

(a) Penggunaan	Menunjukkan penguasaan aspek sintaksis dan menggunakannya dengan berkesan bagi membina kohesi aspek nahuan (kata hubung; elipsis) dan leksikal (sinonim, antonim, hiponim, kolokasi, ulangan, dan pembuka dan penutup wacana); dan menggunakan tanda baca dengan tepat, di samping menguasai ejaan dan aspek morfologi.
----------------	---

Skema 6. Skema Penskoran Komunikatif Versi Pelahiran

I. SOSIOLINGUISTIK

Penulis memahami tujuan penulisan, konteks, dan mengetahui khalayaknya (pembaca).

(a) Tujuan	Melahirkan idea dan perasaan dalam penulisan kreatif; menyusun isi serta menggunakan kata-kata pembuka dan penutup wacana mengikut tujuan penulisan.
(b) Konteks	Membina hubungan dan berkongsi pengalaman dengan pembaca tentang peristiwa yang membabitkan watak dalam konteks yang dinyatakan; dan mengemukakan idea mengikut tema berdasarkan pengalaman peribadi/imaginasi.
(c) Khalayak	Menunjukkan kesedaran terhadap pembaca dengan berusaha untuk mengaitkan ideanya dengan pengalaman khalayak; dan menggunakan kohesi nahuan (kata hubung; elipsis) untuk mengekalkan tumpuan pembaca.

II. WACANA

Penulis menunjukkan penguasaan pemikiran dan persembahan wacana pelahiran.

(a) Pemikiran	Mengemukakan idea yang berdasarkan hubungan syarat-hasil dan sebab-akibat.
(b) Persembahan	Menggunakan kemahiran membina kohesi dan koheren secara seimbang; berfokuskan idea utama (plot yang jelas); dan menggunakan gaya penulisan kreatif yang tepat.

III. TATABAHASA

Penulis mempunyai pengetahuan dan memahami selok-belok bahasa.

(a) Pengetahuan	Menggunakan struktur bahasa (morfologi dan sintaksis) dan (tanda baca dan ejaan) dengan baik; dan menunjukkan kohesi nahuan (kata hubung; elipsis) dan leksikal (sinonim, antonim, hiponim, kolokasi, ulangan, dan pembuka dan penutup wacana) yang baik.
-----------------	---

Skema 7. Skema Penskoran Karangan Penerangan

ARAS	SKOR	DESKRIPTOR
6	70-100	<p><i>Berkomunikasi pada tahap sangat memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Menjelaskan maklumat khusus tentang tajuk mengikut situasi karangan; menggabungkan idea dan pengalaman peribadi untuk meyakinkan pembaca; berinteraksi dengan pembaca melalui gaya dan format ceramah.- Menyusun idea menggunakan kohesi nahuan dan leksikal secara seimbang; mengembangkan isi berdasarkan hubungan logik; memfokuskan penyampaian fakta dan memperincikannya dengan mengaitkan isu semasa.- Memperlihatkan penguasaan aspek mekanis; memilih kata yang tepat daripada kosa kata yang luas, dan menguasai pelbagai struktur ayat.
5	60-69	<p><i>Berkomunikasi pada tahap memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Menjelaskan maklumat tentang tajuk mengikut situasi karangan; menggabungkan idea dan pengalaman peribadi untuk meyakinkan pembaca; berinteraksi dengan pembaca melalui gaya dan format ceramah.- Menyusun idea menggunakan kohesi nahuan dan leksikal; mengembangkan isi berdasarkan hubungan logik; memfokuskan penyampaian fakta dan memperincikannya.- Memperlihatkan penguasaan aspek mekanis; memiliki kosa kata yang luas, dan menguasai struktur ayat.
4	50-59	<p><i>Berkomunikasi pada tahap agak memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Memahami tujuan penulisan dan menyedari kehadiran khalayak karangan.- Menyusun idea mengikut peraturan kohesi dan koheren; mengembangkan isi secara logik; memfokuskan penyampaian fakta tetapi kurang diperincikan; mengekalkan tumpuan terhadap tajuk.- Menunjukkan penguasaan tatabahasa yang memuaskan secara keseluruhannya dengan beberapa kesilapan kecil.
3	40-49	<p><i>Menguasai asas bahasa untuk berkomunikasi:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Memahami tujuan penulisan dan menyedari kehadiran khalayak karangan.- Memperlihatkan keseimbangan aspek pembinaan kohesi dan koheren, tetapi perkembangan idea kurang lancar; mempunyai kelemahan dalam pemerenggan; memfokuskan fakta tetapi isi tidak diperincikan; dan masih mengekalkan tumpuan.- Menunjukkan penguasaan sederhana dalam tatabahasa; menunjukkan kelemahan agak ketara dalam tanda baca dan ejaan; struktur ayat dipengaruhi gaya lisan.
2	30-39	<p><i>Menguasai asas bahasa yang terhad:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Memahami tujuan penulisan dan menyedari kehadiran khalayak karangan.- Menyusun idea dengan menggunakan peraturan kohesi dan koheren yang terhad; tidak mengembangkan isi; menunjukkan kelemahan ketara dalam pemerenggan.- Menunjukkan penguasaan tatabahasa yang terbatas dengan kesalahan yang menonjol.
1	0-29	<p><i>Tidak menguasai asas bahasa:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Tidak menguasai asas bahasa yang mencukupi untuk berkomunikasi melalui penulisan

Skema 8. Skema Penskoran Karangan Pemujukan

ARAS	SKOR	DESKRIPTOR
6	70-100	<p><i>Berkomunikasi pada tahap sangat memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan kebolehan memujuk yang baik dan dapat meyakinkan pembaca melalui hujah yang relevan dan bernas; dan berkomunikasi dengan menggunakan gaya yang tepat mengikut format syarahan. - Mempersembahkan idea secara teratur, berfokus, dan lancar melalui kohesi leksikal; membina koheren dengan berkesan; mengolah idea secara logik dan kritis; menunjukkan kemahiran membuat generalisasi; dan membina kesatuan teks dengan baik. - Menunjukkan penguasaan aspek sintaksis yang dapat membantu mengukuhkan kohesi karangan; dan menguasai aspek morfologi dan mekanis.
5	60-69	<p><i>Berkomunikasi pada tahap memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan kebolehan memujuk yang baik dan berusaha meyakinkan pembaca dengan melalui hujah yang relevan; berkomunikasi dengan menggunakan gaya yang sesuai mengikut format syarahan. - Mempersembahkan idea secara teratur melalui kohesi leksikal; membina koheren dengan baik; mengolah idea secara logik; menunjukkan kemahiran membuat generalisasi; dan membina kesatuan teks dengan baik. - Menunjukkan penguasaan aspek tatabahasa secara keseluruhan yang meliputi aspek sintaksis, kosa kata, morfologi dan mekanis.
4	50-59	<p><i>Berkomunikasi pada tahap agak memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunjukkan kebolehan memujuk yang memuaskan, mengetahui situasi penulisan dan menyedari khalayak. - Mempersembahkan idea secara teratur dan berkembang; mengolah idea dengan hujah dan bukti yang agak jelas; berkeboleha membuat generalisasi; dan dapat membina kesatuan teks secara memuaskan. - Menunjukkan penguasaan yang memuaskan dalam tatabahasa yang meliputi kosa kata, morfologi, sintaksis, dan aspek mekanis.
3	40-49	<p><i>Menguasai asas bahasa untuk berkomunikasi:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai kebolehan memujuk pembaca dan mengetahui situasi penulisan, tetapi kurang penumpuan terhadap khalayak. - Mempersembahkan idea yang kurang berfokus dan kurang berkembang; mengolah idea dengan hujah dan bukti yang kurang jelas; membuat generalisasi yang lemah; dan membina kesatuan teks secara sederhana. - Menunjukkan kesederhanaan dalam penguasaan kosa kata, ayat, dan aspek mekanis.
2	30-39	<p><i>Menguasai asas bahasa yang terhad:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Memujuk pembaca dalam situasi penulisan dengan hujah mirip gaya lisan; mempunyai kesedaran tentang khalayak. - Mempersembahkan idea yang kurang meyakinkan dan terbatas; mengolah idea dengan hujah yang bercampur aduk; membuat generalisasi yang lemah; dan menunjukkan kelemahan yang agak ketara dalam kesatuan teks. - Menunjukkan kelemahan umum dalam penggunaan imbuhan; kosa kata terhad; menggunakan ayat yang janggal; memperlihatkan banyak kesalahan ejaan dan tanda baca.
1	0-29	<p><i>Tidak menguasai asas bahasa:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Tidak menguasai asas bahasa yang mencukupi untuk berkomunikasi melalui penulisan.

Skema 9. Skema Penskoran Karangan Pelahiran

ARAS	SKOR	DESKRIPTOR
6	70-100	<p><i>Berkomunikasi pada tahap sangat memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Menunjukkan kebolehan melahirkan idea dan perasaan dengan jelas dan kreatif dalam karangan; berinteraksi dengan khalayak; mengemukakan idea mengikut pengalaman / imaginasi; dan mengekalkan tumpuan khalayak melalui perkongsian pengalaman.- Menyampaikan idea dengan berkesan melalui hubungan syarat-hasil dan sebab-akibat; menggunakan peraturan kohesi dan koheren secara seimbang; dan berfokuskan plot dan gaya penulisan yang jelas.- Menunjukkan penguasaan struktur bahasa dan yang yang baik; memilih kata dengan tepat daripada kosa kata yang luas; menggunakan tatabahasa dengan berkesan; bersih daripada kesalahan tatabahasa.
5	60-69	<p><i>Berkomunikasi pada tahap memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Menunjukkan kebolehan melahirkan idea dan perasaan dengan jelas dalam karangan; berinteraksi dengan khalayak; mengemukakan idea mengikut pengalaman / imaginasi; dan mengekalkan tumpuan khalayak melalui perkongsian pengalaman.- Menyampaikan idea dengan berkesan melalui hubungan syarat-hasil dan sebab-akibat; menggunakan peraturan kohesi dan koheren secara seimbang; dan berfokuskan plot dan gaya penulisan yang jelas.- Menunjukkan penguasaan struktur bahasa dan yang yang memuaskan; memilih kata dengan tepat daripada kosa kata yang luas; menggunakan tatabahasa dengan berkesan; melakukan kesalahan kecil tatabahasa.
4	50-59	<p><i>Berkomunikasi pada tahap agak memuaskan:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Memahami tujuan penulisan bagi melahirkan perasaan dan menghuraikan pengalaman peribadi; agak berjaya meyakinkan khalayak melalui perkongsian pengalaman.- Menyampaikan idea mengikut hubungan syarat-hasil dan sebab-akibat; masih kurang berfokuskan arahan tugas; pelahiran idea agak memuaskan.- Memperlihatkan penguasaan tatabahasa yang memuaskan keseluruhannya dengan kesalahan yang agak ketara.
3	40-49	<p><i>Menguasai asas bahasa untuk berkomunikasi:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Memahami tujuan penulisan bagi melahirkan perasaan dan menghuraikan pengalaman peribadi, tetapi kurang berjaya meyakinkan khalayak kerana kelemahan membuat penjelasan dan membina kohesi.- Kurang memanfaatkan penyampaian idea mengikut syarat-hasil dan sebab-akibat; kurang berfokuskan arahan tugas; pelahiran perasaan kurang berkesan.- Memperlihatkan pengetahuan tatabahasa yang sederhana keseluruhannya dengan beberapa kesalahan kecil.
2	30-39	<p><i>Menguasai asas bahasa yang terhad:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Masih memahami tujuan penulisan bagi melahirkan perasaan dan menghuraikan pengalaman peribadi, tetapi kurang berkesan membina hubungan kerana kurang kesedaran tentang kehadiran khalayak.- Menunjukkan kelemahan koheren dalam pembinaan teks; kurang berfokuskan arahan tugas; dan pelahiran perasaan kurang berkesan atau meyakinkan.- Menunjukkan kelemahan umum dalam penggunaan imbuhan; kosa kata terhad; menggunakan ayat yang janggal; memperlihatkan banyak kesalahan ejaan dan tanda baca.
1	0-29	<p><i>Tidak menguasai asas bahasa:</i></p> <ul style="list-style-type: none">- Tidak menguasai asas bahasa yang mencukupi untuk berkomunikasi melalui penulisan.

Kesimpulan

Skema Penskoran Komunikatif versi penerangan, pemujukan, dan pelahiran yang dibina berasaskan gagasan komunikatif untuk menggred perlakuan karangan bahasa Melayu di sekolah menengah yang mengikut kategori pencapaian menunjukkan kebolehppercayaan dan kesahan yang tinggi. Analisis kebolehppercayaan antara pemeriksa menunjukkan korelasi yang tinggi. Korelasi yang tinggi antara pemeriksa bagi skema yang digunakan membayangkan bahwa kriteria alat yang berasaskan gagasan komunikatif untuk menggred karangan mempunyai kesahan. Ini dikukuhkan lagi dengan bukti kesahan kriteria ketiga-tiga versi Skema Penskoran Komunikatif yang ditunjukkan melalui kesahan serentak dan kesahan bertumpu dengan terdapatnya korelasi yang tinggi antara skema ini dengan dengan dua buah skema penskoran karangan yang terkenal.

Hasil kajian sebenarnya membuktikan penggunaan model komunikatif yang mengusulkan kriteria yang mendasari skema penskoran yang dibina sebenarnya tidak jauh berbeza dari kriteria yang terdapat dalam alat yang sedia digunakan pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Sebenarnya, ini merupakan penambahbaikan terhadap amalan biasa dalam pentaksiran karangan, iaitu melalui penggunaan pendekatan dan model yang tepat, terkini, dan selari dengan amalan antarabangsa bagi memantapkan pentaksiran kemahiran menulis bahasa Melayu dalam pentaksiran berasaskan sekolah dan berpusat.

Rujukan

- Bachman, L.F. & Savignon, S. 1986. "The Evaluation of Communicative Language Proficiency: A Critique of the ACTFL Oral Interview." Di dalam *The Modern Language Journal* 70, 4: 380-390.
- Canale, M. & Swain, M. 1981. "A Theoretical Framework for Communicative Competence." Di dalam *The Construct Validation of Test of Communicative Competence* oleh Palmer, A.S., Peter J.M.G & George, A.T., ed. Washington: Teachers of English to Speakers of Other Languages.
- Carroll, J.B. 1980. *Testing Communicative Performance: An Interim Study*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Cooper, C.R. 1977. "Holistic Evaluation of Writing." Di dalam *Evaluating Writing: Describing, Measuring, Judging* oleh Cooper, C.R. & Odell, L., ed. Urbana, Illinois: National Council of Teachers of English.
- Crocker, L. & Algina, J. 1986. *Introduction to Classical and Modern Test Theory*. Orlando, Florida: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Duran, R.P. 1988. "Validity and Language Skills Assessments: Non-English Background Students." Di dalam *Test Validity* oleh Wainer, H. & Braun, H.I. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Hashim-Othman. 2000a. "Pentaksiran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu Daripada Perspektif Komunikatif: Penetapan Piawai Perlakuan Minimum dan Analisis Kecekapan." Di dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, 44, 2 : 193-207.
- Hashim-Othman. 2000b. Penerokaan Komponen-komponen Komunikatif dan Pembinaan Skema Pemarkahan Holistik Berfokus Bagi Menggred Perlakuan Karangan Bahasa Malaysia Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Hashim-Othman. 2001. "Komponen-komponen Komunikatif dalam Karangan Bahasa Melayu Sekolah Menengah." Di dalam *Jurnal Bahasa*, 3, 1: 352-377.
- Hashim Othman. 2003. *Kemahiran Menulis: Perspektif Komunikatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Othman. 2005a. *Pentaksiran Karangan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hashim Othman, Abdul Rashid Mohamed, Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail & Halim Ahmad. 2005b. *The Proficiency Levels of Bahasa Melayu Writing Skills in Malaysian Primary School*. Monograph. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Hashim Othman, Mokhtar Ismail, Rohizani Yaakub, Wan Mohd. Rani Wan Abdullah & Nor Hashimah Hashim. 2004. Pembinaan Item Ujian Bahasa Melayu Format Baru. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu 2004: Pengajaran Bahasa Melayu Melalui Seni Persembahan & Pemantapan Kemahiran Pentaksiran Bahasa. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

- Homburg, T.J. 1984. "Holistic Evaluation of ESL Compositions: Can It Be Validated Objectively?" *TESOL Quarterly*, 18, 1: 87-107.
- Hutchinson, C. 1990. "Communicative Competence in Language Teaching." Di dalam *Handbook of Educational Ideas and Practices* oleh Entwistle, N., ed. London: Routledge.
- Hymes, D. 1972. *On Communicative Competence*. Di dalam *Sociolinguistics* oleh Pride, J.B. & Holmes, J., ed. Harmondsworth: Penguin Books.
- Jacob, H. L., Zingraf, S.A., Wormuth, D.R., Hartfiel, V.F., & Hughey, J.B. 1981. *Testing ESL Composition: A Practicle Approach*. Rowley, M. A.: Newbury House.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1992. *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan IV*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2001. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah: Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khatijah Abdul Hamid. 1996. Wacana dalam Teks Penulisan: Satu Tinjauan Tentang Perkaitan Semantik dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar-pelajar dalam Sistem Pendidikan di Malaysia Berdasarkan Analisis Tautan Kohesi dan Koheren. Kertas kerja yang disampaikan pada Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing dari 20 - 24 Mei 1996.
- Llyod-Jones, R. 1977. *Primary Trait Scoring*. Di dalam *Evaluating Writing: Describing, Measuring, Judging* oleh Cooper, C.R. & Odell, L., ed. Urbana, Illinois: National Council of Teachers of English
- Odell, L. 1981. "Defining and Assessing Competence in Writing." Di dalam *The Nature and Measurement of Competency in English* oleh Cooper, C.R., ed. Urbana, Illinois: National Council of Teachers of English.
- Oller, J.W. Jr. 1979. *Language Tests at School: A Pragmatic Approach*. London: Longman.
- Messicks, S. 1994. "The Interplay Evidence and Consequences in Validation of Performance Assessment." Di dalam *Educational Researcher*, 23, 2: 13-23.
- Shaik Abdul Malik Mohamed ismail, Mohamad Zohir Ahmad @ Shaari & Hashim Othman. 2006. Tahap Kefasihan Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Tahap II Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia. Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu Ke-2: Peningkatan Amalan Ikhtisas Keguruan. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Vahapassi, A. 1988. "The Domain of School Writing and Development of the Writing Tasks." Di dalam *The IEA Study of Written Composition I: The International Writing Tasks and Scoring Scales* oleh Gorman, T.P., Purves, A.C. & Degenhart, R.E. New York: Pergamon Press.
- Varbles, M.E. 1990. "Analysis of Writing Samples of Students Taught by Teachers Using Whole Language and Traditional Approaches." Di dalam *Journal of Educational Research*, 83, 5: 245-251.
- Weir, C.J. 1990. *Understanding and Developing Language Tests*. New York: Prentice Hall.
- Weir, C.J. 1993. *Communicative Language Testing*. New York: Prentice Hall.
- Widdowson, H. G. 1978. *Teaching Language as Communication*. Oxford: Oxford University Press